

NAJIB UMUM 8 PORTFOLIO

Oleh
FARUSH KHAN

KUANTAN, Rabu — Menteri Besar, Datuk Najib Tun Razak hari ini mengumumkan pembentukan lapan jawatankuasa yang akan bertanggungjawab menjamin kemajuan dan pembangunan pesat di negeri ini.

Jawatankuasa jawatankuasa itu, dua darinya portfolio baru, dipengerusikan oleh Ahli-ahli Exco.

Portfolio penting sebagai Pengerusi Jawatankuasa — Perancangan Ekonomi dan Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Kewangan dipegang oleh Datuk Najib sendiri.

Tambahan kepada Menteri Besar, Datuk Haji Abdul Rashid Haji Abdul Rahman dilantik mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar yang tidak kurang penting sementara Haji Abdul Razak Hitam mengetuai Jawatankuasa Pembangunan Perumahan.

Jawatankuasa Pembangunan Kampung Baru dan Kerajaan Tempatan dipimpin oleh Encik Lim Ah Lek sementara Jawatankuasa Infrastruktur dipengerusikan oleh Encik Malik Mohamad.

Berkesan

Muka baru, Encik Abdul Aziz Rahman menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Masyarakat sementara Encik Abdullah Haji Kia Pengerusi Jawatankuasa Hal-chwal Agama, satu jawatankuasa yang baru dibentuk.

Datuk Najib memberitahu satu sidang akhbar, untuk memastikan wakil-wakil rakyat lain juga memainkan peranan yang berkesan dalam pembangunan negara, mereka akan dimasukkan ke dalam jawatankuasa-jawatankuasa tersebut, kecuali jawatankuasa yang melibatkan permohonan tanah dan balak.

"Saya sendiri akan mengendalikan proses dan sistem permohonan tanah untuk menjamin kecekapan yang lebih dalam pemberian tanah," katanya.

Beliau menjelaskan kerajaan negeri memandang berat terhadap pembangunan luar bandar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk meninggikan lagi taraf hidup masyarakat luar bandar seperti nelayan dan pekebun kecil.

Sebab itu, katanya, Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar diletakkan di bawah kelolaan Timbalan Menteri Besar sendiri.

Menteri Besar itu menjelaskan, kerajaan

negeri akan mendapatkan bantuan Kerajaan Pusat untuk memenuhkan segala janji yang dibuat dalam kempen pilihanraya, umpamanya mengenai pembangunan Pahang Barat.

Berikrar

Beliau juga berikrar akan menentukan setiap agensi kerajaan menjalankan kegiatannya dengan lalin.

"Jika saya dapati mana-mana agensi kerajaan tidak perlu, saya akan mengambil tindakan bagi mengelakkan kerugian tenaga dan perbelanjaan," katanya.

Katanya, Jawatankuasa Hal-chwal Agama diwujudkan bagi menimbulkan kesedaran yang lebih terhadap agama Islam. Jawatankuasa itu akan bekerja rapat dengan Majlis Agama Islam Negeri dalam usaha itu.

Beliau akan menyusun strategi baru untuk memajukan lagi bidang industri di negeri ini. Perkara itu akan dibincangkan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Katanya, kerajaan negeri sedar pentingnya kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, air

dan jalan diberikan kepada rakyat.

Datuk Najib akan merombak tugas Jawatankuasa Tindakan Negeri supaya dapat menyelesaikan masalah yang timbul dengan cepat.

Di masa ini peranan jawatankuasa itu dan peranan Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah serupa.

Beliau berjanji, kerajaan negeri akan berusaha mengatasi masalah perumahan dan mempercepatkan pembinaan rumah-rumah, terutama rumah kos rendah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia